Utusan Borneo: 06 November 2026

Lelaki salah guna dadah didenda dan diawasi polis

MIRI: Seorang lelaki didenda RM3,000 atau lima bulan penjara oleh Mahkamah Majistret di sini, semalam kerana menggunakan dadah berbahaya tanpa kebenaran pihak berkuasa.

Mahkamah turut memerintahkan tertuduh menjalani pengawasan pihak polis selama dua tahun.

Tertuduh, Saiful Bakhtiar Jami'an Dani, 48, dari Kuching, terdahulu mengaku bersalah terhadap pertuduhan di bawah Seksyen 15 (1) (a) Akta Dadah Berbahaya (ADB) 1952 dan dihukum di bawah Seksyen 15 (1) akta yang sama.

Jika sabit kesalahan, tertuduh boleh didenda sehingga RM5,000 atau penjara tidak melebihi dua tahun dan serta-merta dikehendaki menjalani pengawasan oleh pegawai sebagaimana ditakrifkan di bawah Seksyen 2 Akta Penagih Dadah (Rawatan dan Pemulihan) 1983 selama tempoh tidak kurang dari dua tahun dan tidak melebihi tiga tahun mengikut Seksyen 38B ADB 1952.